

Kaji implikasi luar jangka pastikan keberkesanan subsidi bersasar

- Ada beberapa implikasi dalam pelaksanaan dasar subsidi bersasar kerana ia perlukan sistem pentadbiran kompleks untuk tentukan kelayakan, mengesahkan tahap pendapatan dan pastikan pematuhan

- Dasar subsidi ini mungkin menghadapi kesukaran untuk bertindak dengan cepat bagi menghadapi perubahan keadaan sosioekonomi atau keadaan tidak terduga

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang
dan Bank, Universiti
Utara Malaysia

Subsidi bersasar adalah bentuk bantuan kewangan diberikan kerajaan atau pihak berkuasa kepada individu atau kumpulan tertentu dengan petunjuk mereka adalah kumpulan memerlukan atau layak menerima bantuan.

Berbeza dengan subsidi universal terdida kepada semua orang, subsidi bersasar direka untuk memberi tumpuan sumber kepada individu atau sektor paling memerlukan bantuan. Biasanya, ia dilaksanakan untuk menangani kesenjangan pendapatan, kemiskinan atau cabaran sosial atau ekonomi tertentu.

Kriteria penentuan sasaran bagi subsidi ini boleh berbeza bergantung kepada objektif dan keutamaan kerajaan. Ia mungkin mempertimbangkan faktor seperti tahap pendapatan, status pekerjaan, umur, tahap pendidikan, lokasi geografi atau keadaan khusus seperti orang kurang upaya (OKU), golongan tua atau komposisi keluarga.

Apabila menetapkan subsidi kepada golongan paling memerlukannya, program subsidi bersasar bertujuan menyediakan bantuan lebih efisien dan berkesan, memastikan sumber diperuntukkan ke tempat di mana ia dapat memberi impak paling besar.

Pendekatan ini membantu mengurangkan risiko memberikan subsidi tidak perlu kepada individu atau kumpulan tidak memerlukannya, terutama golongan kaya raya serta syarikat multinasional.

Subsidi bersasar boleh diwujudkan dalam pelbagai bentuk, seperti pemindahan wang tunai, baucar, kredit cukai atau subsidi bagi barang dan perkhidmatan tertentu seperti makanan, perumahan, penjagaan kesihatan, pendidikan atau tenaga.

Reka bentuk dan pelaksanaan program subsidi bersasar boleh berbeza antara negara dan konteks, bergantung kepada keperluan tempatan dan keutamaan dasar.

Di Malaysia, kerajaan memperuntukkan sejumlah wang sangat besar untuk memberi subsidi. Peningkatan kos sara hidup, terutama ketika krisis COVID-19 menyebabkan kerajaan berbelanja dengan banyak bagi mengurangkan kesan ini, menyebabkan kenaikan inflasi, terutama bahan makanan dan tenaga.

Ini menyebabkan kerajaan terpaksa memikirkan cara bagaimana hendak mengurangkan peruntukan subsidi dengan memberi kepada mereka yang layak dan memerlukan. Untuk menentukan kriteria sasaran bagi subsidi bersasar ini, adalah satu tugas sukar dilaksanakan.

Walaupun kita boleh membezakan antara mereka berdasarkan pendapatan, namun cabaran untuk melaksanakan pendekatan ini masih sukar dilakukan dengan berkesan.

Umpamanya, kerajaan pernah melaksanakan subsidi bersasar penggunaan petrol dikenali sebagai Program Subsidi Petrol (PSP) pada 2019. Program ini bertujuan memberikan bantuan kewangan kepada individu berpendapatan rendah memiliki kereta dengan kapasiti enjin 1,600cc dan ke bawah atau motosikal kapasiti enjin 150cc dan ke bawah. Individu layak akan menerima jumlah subsidi tetap dikreditkan terus ke akaun Touch 'n Go dan e-Wallet mereka. Jumlah sub-

sidi berbeza mengikut jenis kenderaan dan kapasiti enjin.

Pelaksanaan program ini membabitkan kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan, termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pengangkutan. Namun, program ini tidak berjaya sepenuhnya.

Terdedah kepada banyak manipulasi

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan sedang membina sistem penyelarasan data dikenali sebagai Pangkalan Data Utama (PADU) untuk menyelaraskan pengagihan subsidi secara bersasar. Ini satu langkah bijak kerana untuk menentukan siapa layak mendapat subsidi kerajaan akan menjadi lebih kemas dan teratur.

Namun, sistem ini masih tidak memberi jaminan masalah ketirisan dan keadilan sosial dapat dilaksanakan dengan cekap. Ini kerana bagi menentukan kelayakan hanya berdasarkan kepada pendapatan, akan terdedah kepada banyak manipulasi.

Sekiranya subsidi diberi berdasarkan kepada kapasiti enjin kenderaan, pendekatan ini juga tidak sepenuhnya tepat, kerana ramai juga pengguna golongan M40 dan T20 lebih selesa menggunakan kenderaan berkuasa rendah bagi menjimatkan penggunaan minyak dan kos penyelenggaraan.

Lazimnya kenderaan berkuasa rendah tidak cekap dari segi penggunaan tenaga, menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar. Kos pencemaran ini lebih mahal berbanding penjimatan kos subsidi bersasar kerajaan hendak dilaksanakan.

Terdapat beberapa implikasi dalam pelaksanaan dasar subsidi bersasar kerana ia memerlukan sistem pentadbiran kompleks untuk menentukan kelayakan, mengesahkan tahap pendapatan dan memastikan pematuhan.

Ini memerlukan banyak sumber dan boleh menyebabkan kelewatan atau kesilapan dalam proses pembayaran subsidi. Kos pentadbiran ini boleh mengambil sebahagian besar peruntukan subsidi, mengurangkan dana tersedia untuk bantuan secara langsung.

Walaupun usaha dilakukan untuk mengarahkan subsidi kepada penerima dituju, terdapat risiko pengecualian beberapa individu atau kumpulan memerlukan bantuan. Kriteria kelayakan mungkin

secara tidak sengaja mengecualikan penerima layak, meninggalkan mereka tanpa sokongan diperlukan.

Cipta herotan insentif

Sementara itu, subsidi ditetapkan boleh mencipta herotan insentif yang mempengaruhi tingkah laku individu. Sesetengah individu mungkin mengubah pendapatan atau keadaan kewangan mereka untuk memenuhi kriteria kelayakan, boleh mempengaruhi dinamik pasaran.

Selain itu program subsidi bersasar boleh menimbulkan stigma sosial terhadap penerima. Ini boleh menyebabkan perasaan malu atau bimbang dalam kalangan penerima, mungkin menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan diperlukan.

Tidak mustahil juga, proses subsidi bersasar mungkin dipengaruhi pertimbangan politik, boleh menyebabkan kecenderungan atau pengaruh tidak adil dalam menentukan kelayakan. Ini boleh mengugat keadilan dan kebolehpercayaan dalam proses peruntukan subsidi.

Dasar subsidi ini mungkin menghadapi kesukaran untuk bertindak dengan cepat menghadapi perubahan keadaan sosioekonomi atau keadaan tidak terduga. Kriteria kelayakan yang kaku mungkin tidak membenarkan penyesuaian tepat pada masanya, meninggalkan beberapa individu atau kumpulan tanpa sokongan semasa dalam keadaan memerlukan bantuan.

Walaupun dasar subsidi petrol boleh memberi manfaat kepada individu atau kumpulan tertentu, ia juga mempunyai beberapa kelemahan. Sesuatu dasar yang berkesan, sangat bergantung kepada sejauh mana ia dapat dilaksanakan dengan mudah dan memberi penjimatan kos kepada kerajaan.

Malangnya, kerajaan sering melaksanakan sesuatu dasar tanpa memikirkan kos perlu ditanggung. Ini kerana kerajaan tidak berfungsi sebagai sebuah syarikat yang sangat mengambil berat mengenai kos kerana keuntungan mereka bergantung kepada kecekapan mengurus kos.

Penting untuk mempertimbangkan kelemahan ini dengan teliti dan merancang dasar subsidi terarah dengan langkah mengurangkan kesan negatifnya. Penilaian dan mekanisme maklum balas berkala dapat membantu mengenal pasti dan menangani kekurangan atau akibat tidak disengajakan daripada dasar itu.

